

| | | |
|--------------|-------------|------------------|
| Accepted | Reviewed | e-Journal Upload |
| 26 JULY 2022 | 21 NOV 2022 | 29 NOV 2022 |

Kewujudan Leksis Periferal Arab, Sino-Tibetan dan Dravidian dalam Leksikon Melayu dalam Konteks Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Malaynesia

The Existance of Peripheral Lexis of Arabic, Sino-Tibetan and Dravidian in Malay Lexicon in the Context of the Internationalization of the Malay Language in Malaynesian World

Philiadiran Philip¹, Mohd Nor Azan Bin Abdullah², Hjh Suhailah Abdul Muin³

ABSTRAK

Leksis periferal merupakan kosa kata tambahan yang datangnya daripada pelbagai bahasa berlainan rumpun. Hubungan perdagangan, keagamaan dan hubungan diplomatik telah banyak mempengaruhi kemasukan dan penyebaran rumpun bahasa Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) di alam Malaynesia. Ramai masyarakat kurang mengetahui kewujudan leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu merupakan leksis asal bahasa tersebut yang telah diubah sebutannya mengikut sebutan Melayu Malaynesia. Selain itu, terdapat juga segelintir masyarakat yang beranggapan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa antarabangsa dan merupakan salah satu bahasa utama dunia. Oleh itu, kajian ini dilakukan dengan menyenaraikan dan menganalisis perubahan fonologi dan morfologi leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Di samping itu, kajian ini juga menjelaskan bahawa leksis periferal dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu. Hasilnya, kajian ini akan menunjukkan bahawa bahasa Melayu itu bersifat fleksibel dengan menyerap pelbagai leksis asing khususnya leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang mana leksis-leksis tersebut diasimilasi mengikut sebutan dan bentuk bahasa Melayu Malaynesia. Penyerapan leksis menunjukkan bahawa bahasa Melayu bersifat supranasional, dapat menarik minat penutur asing untuk mempelajari bahasa Melayu serta menjadi strategi komunikasi berkesan. Kajian ini menggunakan kaedah perpustakaan dengan merujuk buku teks, dokumentasi-dokumentasi berkaitan serta pelbagai bahan bertulis dan laman sesawang.

Kata Kunci— Asimilasi, Leksis, Malaynesia, Periferal, Pengantarabangsaan, Penyerapan.

ABSTRACT

Peripheral lexicon is seen as additional vocabulary that originates from a variety of language groups. The realm of Malaynesia throughout the years, have been influenced by multiple language groups, in particular the language groups of Arabo, Sino-Tibetan and Dravidian. Although, A majority of the public are not aware of the existence of the Arabo, Sino-Tibetan and Dravidian lexicon that has been implemented into the Malay language is the native lexicon which has been altered in terms of pronunciation in accordance to the Malaynesian's Malay pronunciation. Other than that, there also some of Malay people assume the Malay language is unable to be an international language and become one of the main language in the wold.

¹ Philiadiran Philip, Universiti Malaysia Sabah, philiadiran96@gmail.com

² Mohd Nor Azan Bin Abdullah, Universiti Malaysia Sabah, azan@ums.edu.my

³ Hjh Suhailah Abdul Muin, Universiti Malaysia Sabah, drsuhailah@ums.edu.my

Consequently, this research has been conducted to list and to explain the changes of linguistic elements in terms of morphology and phonemes for Arabo, Sino-Tibetan and Dravidian lexicon that is used in the Malay language. Besides that, this research is aim to clarify that peripheral lexicon are able to build an internationalization of the Malay language. As a result, this research shown that the Malay language itself is flexible by assimilate various kind of foreign lexicons especially from Arabo, Sino-Tibetan and Dravidian lexicons which these lexicons were assimilated based on the language of Malay Malaynesian's pronunciation and form. The lexicons absorption also shown that Malay language better known as supranational, attract the foreigners attention to study the Malay language and being an effective communication strategy. This study uses the library method by referring to textbooks, related documentation as well as various written materials and websites.

Keyword— *Assimilation, Lexis, Malaynesia, Peripheral, Internationalization, Absorption.*

Pengenalan

Leksis periferal merupakan kosa kata yang datangnya daripada pelbagai rumpun bahasa. Hubungan diplomatik, perdagangan, dan keagamaan telah mempengaruhi kemasukan dan penyebaran rumpun bahasa Semitik (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) di alam Malaynesia yang juga dikenali sebagai alam Nusantara. Melalui komunikasi, penggunaan bahasa antara rumpun bahasa yang berlainan ini cepat diserap masuk atau diasimilasikan dalam pertuturan di sesebuah rumpun. Tambahan pula, ketika Selat Melaka menjadi tumpuan persinggahan perdagangan di mata dunia, Bahasa Melayu telah dijadikan sebagai “*lingua franca*” atau bahasa lidah iaitu sebagai bahasa pertuturan untuk berdagang di Selat Melaka. Ia juga tidak hanya terhad melalui aktiviti perdagangan malahan bahasa Melayu juga wajib untuk dipertuturkan di semua urusan dalam kerajaan Melayu ketika itu (Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah, 2018; Mohd Nor Azan Bin Abdullah dan Saini Bin Ag. Damit, 2018). Faktor ini secara tidak langsung telah membentuk fenomena dimana berlakunya pertembungan budaya dan bahasa yang berbeza-beza sekaligus proses pinjam meminjam bahasa berlaku.

Menurut Asmah Haji Omar (1984), terdapat dua situasi yang mendorong kepada peminjaman bahasa asing ke dalam bahasa Melayu. Pertama, kurangnya istilah-istilah sepadan dalam bahasa Melayu yang memberikan maksud sama atau seerti dengan istilah-istilah bahasa asing tersebut. Kedua, istilah-istilah bahasa asing memiliki maksud yang sepadan dengan istilah-istilah dalam bahasa Melayu tetapi tidak sesuai atau tidak konduktif diterjemahkan dalam bentuk terbitan linguistik kepada istilah-istilah yang lain (Mansor, 2017). Kemunculan Selat Melaka khususnya sebagai tempat persinggahan dagang utama yang unggul di dunia menjadikannya sebagai pusat tumpuan para pedagang di seluruh dunia. Kedatangan para pedagang yang berasal dari latar belakang budaya dan bahasa yang berbeza-beza telah membentuk satu fenomena dimana berlakunya pertembungan bahasa daripada pelbagai rumpun bahasa di seluruh pelusuk dunia yang berdagang di Kepulauan Melayu. Fenomena ini menyebabkan masyarakat pada ketika itu berusaha untuk mencapai tahap kesefahaman melalui komunikasi bahasa yang sejagat iaitu melalui penggunaan bahasa Melayu sebagai “*lingua franca*” atau bahasa lidah dalam perdagangan. Walaupun begitu, apa yang menjadi faktor utama berlakunya peminjaman bahasa ini ialah wujudnya penutur “lokutor” dan “interlokutor” (Mohd Nor Azan Abdullah dan Musirin Mosin, 2018). Ini merupakan faktor dimana bermulanya peminjaman atau penyerapan leksis-leksis asing yang diasimilasikan mengikut sebutan Melayu Malaynesia.

Kajian ini dilakukan kerana tidak begitu ramai masyarakat yang mengetahui kewujudan leksis periferal dalam bahasa Melayu, dan pengetahuan yang kurang mengenai perubahan elemen-elemen linguistik dalam leksis pinjaman serta tanggapan masyarakat itu sendiri yang menganggap bahasa Melayu tidak mampu berkembang sebagai bahasa ilmu dan antara bahasa utama di dunia. Oleh itu, beberapa objektif kajian telah ditetapkan bagi menyelesaikan permasalahan-permasalahan tersebut iaitu yang pertama menyenaraikan leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu, yang kedua iaitu mengenal pasti perubahan elemen-elemen linguistik terhadap leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap dalam bahasa Melayu dan yang ketiga menjelaskan leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian dapat membina keantarabangsaan dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menetapkan tiga objektif utama iaitu menyenaraikan leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan, dan Dravidian yang diserap dalam bahasa Melayu, mengenalpasti perubahan elemen-elemen linguistik terhadap leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap dalam bahasa Melayu, dan menjelaskan leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu.

Tanggapan masyarakat bahawa “bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu” merupakan satu persoalan yang besar dan merupakan suatu cabaran buat para ilmuan tempatan untuk mengkaji dan meneliti lebih dalam mengenai bahasa Melayu. Tanggapan masyarakat bermaksud apa yang diterima oleh pancaindera, gambaran (bayangan) dalam hati mahupun cerapan oleh sekelompok manusia dalam sesebuah komuniti berlandaskan logik atau pandangan-pandangan tertentu. Oleh itu, terdapat beberapa tanggapan atau pandangan yang menunjukkan bahawa bahasa Melayu tidak mampu menjadi bahasa ilmu menyaingi bahasa asing (bahasa Inggeris khususnya) seperti kenyataan yang dibuat oleh Asmah Hj.Omar (2003) yang menyatakan bahawa penguasaan bahasa Inggeris sangat penting untuk menyediakan seseorang pelajar untuk menyumbang kepada pembinaan negara peringkat tinggi sebagai seorang birokrat atau teknokrat atau profesyen-profesyen lain. Selain itu, orang Melayu (golongan elit yang berpendidikan barat) sendiri lebih merasa lebih selesa untuk menggunakan bahasa Inggeris kerana tidak perlu memikirkan sangat tentang penggunaan sistem sapaan yang dikatakan ketat dalam bahasa Melayu (Asmah Hj.Omar, 2003a:74). Seterusnya, Hashim Hj. Musa (2004) juga menyatakan bahawa bahasa Inggeris digunakan secara meluas dalam sektor swasta, bidang perindustrian dan perdagangan malahan bahasa Inggeris juga dijadikan sebagai bahasa pengantar pendidikan tinggi di IPTA dan IPTS (Hashim Hj.Musa, 2004:164). Perkembangan ilmu pengetahuan adalah dipengaruhi oleh tindakbalas yang berlaku di sekeliling seperti pengaruh sosial, budaya dan politik yang berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan itu (Karim, 2014). Demikian juga perkembangan bahasa Melayu khususnya yang telah berasimilasi dengan pelbagai bahasa asing. Secara umumnya, era perkembangan bahasa Melayu terbahagi kepada tiga iaitu Melayu Kuno, Melayu Klasik dan Melayu Moden (Pusposari, 2017). Setiap daripada era perkembangan sejarah ini memberikan impak terhadap perubahan bahasa Melayu hasil daripada asimilasi dengan pelbagai rumpun bahasa di dunia. Hal ini menunjukkan betapa bahasa Melayu itu bersifat fleksibel sehingga dapat menubuhkan nuansa bahasa pascamodenisme yang menginventorikan pelbagai leksis asing ke dalam bahasa Melayu. Perkembangan bahasa Melayu pada era selepas kemerdekaan sememangnya sangat pesat terutama sekali dalam bidang pendidikan dalam negara Malaysia. Ia mendominasi bukan sahaja melalui pendidikan malahan juga sebagai bahasa komunikasi bagi seluruh rakyat dalam negara Malaysia. Oleh itu, mengkaji etimologi bahasa Melayu itu merupakan satu keperluan bukan sahaja untuk mengikis tanggapan serong masyarakat malah untuk membuktikan bahawa bahasa Melayu wajar diangkat sebagai salah satu bahasa utama di dunia.

Terdapat beberapa kajian yang menjurus kepada kajian berkenaan leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian dalam bahasa Melayu. Seperti dalam kajian Noriah Mohamed dan Selvarani A/P Subramuniam (2015) yang bertajuk “Kata Pinjaman Bahasa Tamil Dalam Bahasa Melayu” yang mengetengahkan leksis periferal Dravidian (Tamil) yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Kajian ini menerangkan secara menyeluruh mengenai etimologi leksis, senarai leksis dan perubahan-perubahan leksis Tamil secara fonologi dan morfologi apabila diserap dalam bahasa Melayu. Selain itu, dalam kajian Russel Jones (2009) yang bertajuk “Chinese Loan- Words in Malay and Indonesian” pula merupakan kajian yang mengetengahkan leksis-leksis dalam pelbagai variasi bahasa Cina yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Dalam kajian ini, Russell Jones menerangkan secara terperinci berkenaan latar belakang penyerapan leksis Sino-Tibetan (Cina) dan menyenaraikan leksis-leksis bahasa Cina yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Namun begitu, kajian ini hanya terhad kepada mengetengahkan sejarah penyerapan dan penyenaian leksis bahasa Cina dalam bahasa Melayu tanpa membincangkan perubahan-perubahan elemen linguistik terhadap leksis-leksis Cina yang dimelayukan. Seterusnya, dalam kajian yang ditulis oleh Syamsul Hadi (2015) yang bertajuk “Kata-Kata Arab Dalam Bahasa Indonesia” adalah berkenaan fonologi, morfologi, semantik, sinonim, antonim, polisemi dan homografi terhadap leksis bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa Indonesia. Rujukan bagi disertasi ini dilakukan memandangkan struktur bunyi, bentuk dan ejaan bahasa Melayu dan bahasa Indonesia adalah hampir sama secara keseluruhan. Oleh itu, pengkaji untuk merujuk disertasi ini sebagai panduan untuk melakukan analisis perubahan linguistik khususnya leksis-leksis bahasa Arab. Namun begitu, disertasi ini hanya terhad kepada analisis elemen-elemen linguistik leksis Arab yang dimelayukan dan tidak mengetengahkan penyenaian leksis-leksis bahasa Arab yang diserap ke dalam bahasa Melayu.

Seterusnya, ialah kajian Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah, (2018) yang bertajuk “Kosa Kata Indo-eropah, Semitik, Sino-tibet Dan Dravidian Dalam Internasionalisasi Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Utama Dunia Di Alam Malaynesia”. Kajian ini membincangkan tentang internasionalisasi leksis bahasa Melayu dengan melihat sejarah kemasukan leksis non-Austronesia termasuklah penyerapan leksis Arab, peminjaman leksis Cina dan leksis Tamil yang diguna pakai sebagai leksis Melayu di alam Malaynesia. Selain itu, dalam kajian Mohd Nor Azan Bin Abdullah dan Saini Bin Ag. Damit, (2018) yang bertajuk “Leksis Periferal Indo-Arabo-Euro Dalam Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Nusantara” juga membincangkan mengenai pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui leksis periferal. Dalam kedua-dua kajian ini membuktikan bagaimana bahasa Melayu dikenali sehingga merentasi sempadan geopolitik malahan sehingga di tanah Eropah. Namun begitu, penyenaian leksis-leksis khususnya leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian tidak ditekankan dalam kajian ini.

Oleh yang demikian, daripada sorotan tersebut pengkaji telah mengenal pasti beberapa kelompangan kajian. Antaranya ialah, kurangnya kajian yang menyenaraikan leksis Arab, Sino-Tibet dan Dravidian yang digunapakai dalam bahasa Melayu menyebabkan masyarakat kurang mengetahui kewujudan leksis-leksis berkenaan dalam pertuturan mahupun penulisan bahasa Melayu. Menurut Collins (2003), di Malaysia tidak ramai pengkaji Melayu yang melakukan kajian mengenai asal usul perkataan. Ini disokong oleh S. Nathesan (2015) yang menyatakan kajian etimologi kurang diusahakan oleh para sarjana bahasa Melayu di Malaysia. Kesannya masyarakat hanya tahu bercakap dan menulis tanpa mengetahui dan mengambil peduli sumber dan makna bagi setiap perkataan yang dituturkan.

Selain itu, kurangnya kajian yang membincangkan berkenaan perubahan elemen-elemen linguistik khususnya perubahan morfologi dan fonologi terhadap leksis Arab, Sino-Tibet dan Dravidian yang dimelayukan. Menyenaikan leksis-leksis serapan tanpa memberikan penjelasan tentang perubahan elemen-elemen linguistik akan menimbulkan kekeliruan dan

menyebabkan ketidakfahaman masyarakat tentang pengaruh leksis Arab, Sino-Tibetan dan Dravidian dalam leksikon bahasa Melayu. Menurut M.Nortaufiq et. al (2019), ketidakfahaman masyarakat mengenai etimologi perkataan sudah tentu memberi kesan negatif yang memalukan ahli etimologi kerana masyarakat luar akan membuat andaian bahawa kurangnya pendedahan maklumat etimologi daripada ahli bahasa mengenai perkataan yang digunakan oleh bangsa mereka (M.Nortaufiq et. al, 2019). Pentingnya melakukan kajian ini adalah apabila menjejaki asal usul perkataan, kita akan mengetahui sejarah faktor perkataan tersebut masuk ke dalam bahasa lain. Perubahan pada ejaan dan makna akan diketahui dengan lebih jelas dengan melakukan kajian etimologi.

Seterusnya, terdapat juga segelintir masyarakat yang berpendapat bahawa Bahasa Melayu tidak mampu berkembang sebagai bahasa ilmu dan antara bahasa utama dunia. Menurut Noraien & Noor Rohana (2013), bangsa Melayu sendiri tidak yakin dengan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Selain itu, Ibrahim Komoo (2013) juga menyatakan bahawa terdapat ramai rakyat Malaysia termasuk orang Melayu yang berpengaruh tidak yakin bahasa Melayu boleh digunakan sebagai bahasa ilmu tinggi. Ramai juga ahli akademik termasuk Melayu yakin bahawa bahasa Inggeris sahaja yang unggul dan meraih kedudukan dalam arena global. Malahan terdapat warga Malaysia yang menolak usaha-usaha memartabatkan bahasa Melayu (Ibrahim Komoo, 2013 dalam Noraien & Nor Rohana, 2013). Asmah Hj. Omar (2003), juga menyatakan bahawa orang Melayu (golongan elit berpendidikan Barat) lebih selesa menggunakan bahasa Inggeris.

Oleh itu, pengkaji telah melakukan analisis dengan menyenaraikan leksis-leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu dan seterusnya menganalisis perubahan elemen-elemen linguistik secara fonologi dan morfologi terhadap leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Pengkaji juga akan membincangkan bagaimana leksis periferan Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian ini dapat membina keantarabangsaan dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu di alam Malaynesia.

Metodologi Kajian

Kajian ini memilih kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan etimologi. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), etimologi merupakan cabang ilmu linguistik yang mengkaji asal usul dan perkembangan sesuatu kata. Dalam kajian ini, pendekatan fonologi dan morfologi digunakan untuk mengkaji pengaruh kosa kata periferan bagi keluarga bahasa Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) yang diserap ke dalam bahasa Melayu dengan mengambil kira pemahaman etimologi diakronik dan etimologi sinkronik. Pendekatan ini dipilih memandangkan kajian ini menfokuskan kepada perubahan fonem-fonem tertentu dari segi bunyi dan bentuk dalam pembentukan leksis Melayu Malaynesia.

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kepustakaan. Yang mana pengkaji telah merujuk bahan-bahan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, dan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Negeri Sabah. Dalam kajian ini, sumber data yang diperolehi oleh pengkaji ialah data sekunder. Iaitu pengkaji memperoleh data dengan merujuk buku, Kamus Dewan, kamus bahasa dan artikel jurnal. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji ialah kajian perpustakaan. Pengkaji merujuk buku, kamus bahasa, artikel jurnal dan dokumentasi-dokumentasi berkaitan untuk mendapatkan sumber-sumber data. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan pendekatan fonologi dan morfologi khususnya dalam menganalisis perubahan fonem leksis yang semestinya mempengaruhi perubahan bunyi dan bentuk leksis-leksis serapan daripada bahasa Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) apabila leksis-leksis tersebut dimelayukan. Pengkaji mengambil kira pemahaman etimologi diakronik untuk mengkaji asal usul leksis-leksis tertentu yang

digunakan dalam bahasa Melayu sama ada ia berasal daripada rumpun bahasa Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) atau Dravidian (Tamil). Manakala pemahaman etimologi sinkronik juga diambil kira oleh pengkaji dalam analisis perubahan elemen linguistik fonologi dan morfologi leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu. Pengkaji menggunakan analisis kualitatif deskriptif dalam menyampaikan data-data yang diperoleh.

Dapatan Kajian

Senarai Leksis Periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu

Pengetahuan mengenai asimilasi leksis ke dalam sesuatu bahasa boleh juga dianggap “pengantarabangsaan” sesuatu bahasa (Mohd Nor Azan Bin Abdullah dan Saini Bin Ag. Damit, 2018). Diversiti dalam perbendaharaan kata ini dapat menarik minat rasa ingin tahu penutur dari keluarga bahasa yang lain untuk mempelajari bahasa tersebut. Seperti yang kita tahu, diversiti perbendaharaan kata ini lahir daripada kegiatan sosioekonomi seperti penjajahan, pembudayaan, perdagangan, penyerapan ilmu teknologi, pelancongan dan sebagainya. Maka dengan itu berlakulah perhubungan atau pertembungan antara dua atau lebih budaya yang berbeza dan dengan itu maka terjadi proses pinjam-meminjam perbendaharaan kata atas dasar keperluan semasa.

Senarai leksis periferal Arab, Sino-Tibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) yang diserap ke dalam bahasa Melayu merupakan kompilasi data yang diperoleh penyelidik bagi tujuan mencapai matlamat kajian. Penyeneraian leksis serapan daripada keluarga bahasa Arab, Sino-Tibetan dan Dravidian ke dalam bahasa Melayu ini membuktikan bahawa wujudnya leksis-leksis serapan daripada bahasa tersebut yang dimelayukan dengan sinkronik (bunyi) leksik dan diakronik (bentuk) susunan fonem yang sama atau lebih kurang sama tetapi memiliki maksud leksik yang sama.

Menurut Mohd Nor Azan Bin Abdullah dan Saini Bin Ag. Damit (2018), internasionalisasi bahasa Melayu ini dilihat melalui penerimaan leksis non-Austronesia yang dimelayukan penggunaannya oleh penutur Melayu di alam Malaynesia. Oleh itu, beberapa contoh leksis Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu dapat dilihat seperti dalam jadual 1, jadual 2 dan jadual 3 berikut.

Jadual 1: Senarai Leksis Periferal Arabo (Arab)

| TRANSLITERASI LEKSIS BAHASA ARAB | MORFOLOGI LEKSIS BAHASA MELAYU |
|---|---------------------------------------|
| itsnain | isnin |
| hadits | hadis |
| ashliyy | asli |
| shahih | sahih |
| qadhi | kadi |
| dharurah | darurat |
| tha'ah | taat |
| bathal | batal |
| da'wah | dakwah |
| i'tiqad | iktikad |

Jadual 2: Senarai Leksis Periferal Sino-Tibetan (Cina)

| TRANSLITERASI LEKSIS BAHASA CINA | MORFOLOGI LEKSIS DALAM BAHASA MELAYU | REPRESENTASI FONETIK SETELAH DIMELAYUKAN |
|----------------------------------|--------------------------------------|--|
| máh jiàng | mahjong | mahʃoŋ |
| á peh | apek | apeʔ |
| ka lēng | kaleng | kaleŋ |
| kong si | kongsi | koŋsi |
| âng pau | angpau | aŋpaw |
| bāng bā | bangpak | baŋpaʔ |
| chá mǔ chá | camca | čamča |
| sam seng | samseng | samsenʃ |

Jadual 3: Senarai Leksis Periferal Dravidian (Tamil)

| TRANSLITERASI LEKSIS BAHASA TAMIL | MORFOLOGI LEKSIS BAHASA MELAYU |
|-----------------------------------|--------------------------------|
| man <u>t</u> iram | mantera |
| mut <u>t</u> irai | meterai |
| čakk <u>r</u> am | cakera |
| pa <u>r</u> ičai | perisai |
| kooli | guli |
| ko <u>o</u> ni | guni |
| čam <u>u</u> tiram | samudera |
| maka <u>a</u> tevan | mahadewa |
| maka <u>a</u> | maha |
| maka <u>r</u> aačan | maharaja |

Analisis Aspek Fonologi dan Morfologi Leksis Periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian yang diserap ke dalam bahasa Melayu

Bagi kata bahasa Arab yang dimelayukan leksisnya dalam Jadual 1, perubahannya dapat dibahagikan kepada lima aspek. Antaranya ialah perubahan konsonan geser interdental /ts/ (ث) kepada konsonan /s/ (س). Contohnya, [itsnain → isnain] dan [hadits → hadis]. Selain itu, perubahan konsonan geser pangkal gigi tidak bersuara /sh/ (ص) kepada konsonan /s/ (س). Contohnya, [ashliyy → asli] dan [shahih → sahih]. Seterusnya, perubahan konsonan hambat, pangkal gigi /dh/ (ض) kepada konsonan /d/ (د). Contohnya, [qadhi → kadi] dan [dharurah → darurat]. Seterusnya, perubahan konsonan empatik, hambat, pangkal gigi dan tidak bersuara /th/ (ط) kepada konsonan /t/ (ت). Contohnya, [th'ah → taat] dan [bathal → batal]. Akhir sekali, perubahan konsonan hambat, faringal /' / (ع) kepada konsonan /k/ (ك). Contohnya, [da'wa → dakwa] dan [i'tiqad → iktikad].

Manakala bagi kata bahasa Cina yang dimelayukan leksisnya dalam Jadual 2 pula dianalisis berdasarkan perbandingan dengan peraturan sistem fonologi yang terdapat dalam bahasa Melayu memandangkan bahasa Cina merupakan bahasa nadaan dan bukannya bahasa aglutinasi (Mohd Nor Azan Abdullah & Mohd Yusof Abdullah, 2018). Oleh itu, dalam kertas kerja ini pengkaji memberikan perbandingan dari sudut harmoni vokal dan rangkap nasal homorgan. Dari segi harmoni vokal, Leksis serapan daripada bahasa Cina melanggar peraturan harmoni vokal dalam bahasa Melayu apabila leksis-leksis tersebut dimelayukan. Contohnya, **mahjong** dan **apek**. Menurut peraturan harmoni vokal bahasa Melayu, jika sekiranya vokal pada suku kata praakhir tersebut ialah vokal rendah /a/, ia harus diikuti dengan vokal tinggi sama ada vokal tinggi depan /i/ atau vokal tinggi belakang /u/ (Zaharani Ahmad, 2004). Manakala dari segi rangkap nasal homorgan pula Setiap rangkap konsonan nasal-obstruen dalam kata bahasa Melayu mestilah berhormogan atau sama daerah artikulasinya antara satu sama lain. Rangkap nasal-obstruen yang wujud dalam bahasa Melayu ialah /mp/, /mb/, /nt/, /nd/, /ŋk/, /ŋg/, /ŋč/, dan /ŋj/. Leksis serapan bahasa Cina melanggar peraturan rangkap nasal homorgan bahasa Melayu. Contohnya, leksis **kongsi**, **angpau** dan **samseng**.

Bagi kata bahasa Tamil yang dimelayukan leksisnya dalam Jadual 3, perubahannya juga dapat dibahagikan kepada lima. Yang pertama, perubahan vokal /i/ menjadi vokal /e/. Contohnya, [mantiram → manera] dan [mutirai → meterai]. Yang kedua, perubahan vokal /a/ menjadi vokal /e/. Contohnya, [čakkaram → cakera] dan [paria → pereisai]. Yang ketiga, perubahan vokal /o/ menjadi vokal /u/. Contohnya, [kooli → kuli] dan [kooŋi guni]. Yang keempat, perubahan konsonan /t/ menjadi konsonan /d/. Contohnya, [čamutttiram → samuddera] dan [makatevan → maha]. Yang kelima, perubahan konsonan /k/ konsonan /h/. Contohnya, [makkaa → mahha] dan [makkaraačan → mahharaja].

Leksis Periferal Arabo, Sino Tibetan Dan Dravidian Dapat Membina Keantarabangsaan Dalam Pengantarabangsaan Bahasa Melayu

Penerimaan leksis non-Austronesia khususnya bahasa Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian menunjukkan imej internasionalisasi bahasa Melayu. Hal ini kerana, sifat-sifat leksis periferal itu sendiri yang dapat membina keantarabangsaan bahasa Melayu. Antaranya ialah, leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian dapat menjadikan bahasa melayu sebagai bahasa supranasional dan suprainternasional. Istilah supranasional dan suprainternasional berasal dari kata akar ‘supra’ yang bermaksud melebihi, melewati, melampaui, atau melangkaui batas dan sempadan (Dewan Bahasa & Pustaka, 2007). Manakala ‘nasional’ bermaksud negara dan ‘internasional’ bermaksud antarabangsa. Menurut Aziz Deraman (2010), istilah bahasa Melayu supranasional merujuk kepada versi dan variasi kepada bahasa Indonesia, bahasa Malaysia, bahasa Melayu Brunei dan bahasa Melayu Singapura, wilayah-wilayah selatan Thailand, Filipina dan semenanjung Indo-China. Dalam konteks ini, beliau melihat bahasa Melayu sebagai bahasa pengikat tamadun rantau, bahasa pembangunan nusa bangsa sewilayah, dan bahasa pemersatu rakyat yang mengisi keperluan-keperluan baru dalam membina ketamadunan bangsa.

Menurut Awang Sariyan (2019), bahasa Melayu supranasional ialah bahasa yang melampaui batas negara di Kepulauan Melayu, apatah lagi batas negeri mahupun daerah dalam negara berbahasa Melayu. Awang Sariyan (dalam ceramah Arif Budiman Ke-16 di Singapura tahun 2020) juga ada menyatakan berkenaan maksud bahasa Melayu supranasional iaitu bahasa Melayu yang merentas negara-negara berbahasa Melayu di alam Melayu dan di Asia Tenggara (Awang Sariyan, 2020). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa supranasional dan suprainternasional ialah meletakkan bahasa Melayu melebihi kepentingan-kepentingan dalam negara dan luar negara yang meliputi kepentingan ekonomi, politik, ideologi, sosial, budaya, agama dan kepercayaan. Antara aspek yang menjadikan

bahasa Melayu sebagai bahasa supranasional dan suprainternasional ialah faktor sejarah bahasa Melayu yang pernah menjadi bahasa *lingua franca*, meliputi pelbagai aspek dalam pertuturan, memiliki bentuk, maksud dan sebutan yang selaras dalam bahasa Melayu antara negara di alam Malaynesia dan dalam bahasa asal leksis dan menyumbang kepada pengayaan kosa kata dalam bahasa Melayu.

Selain itu, leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian juga dapat menarik minat penutur asing khususnya penutur bahasa Arab, bahasa Cina dan bahasa Tamil untuk lebih mengetahui bahasa Melayu sekaligus dapat meningkatkan peranan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa. Signifikan dalam menarik minat penutur asing khususnya dalam kalangan penutur yang membahasaibundakan bahasa Arab, Cina dan Tamil ialah dapat menjadikan bahasa Melayu sebagai antara bahasa yang dominan di dunia. Hal ini kerana bilangan penutur bagi bahasa-bahasa tersebut memiliki bilangan yang ramai di seluruh dunia. Selain itu, leksis periferal ini juga dapat meningkatkan peranan bahasa Melayu di peringkat antarabangsa terutama dalam bidang pendidikan dan dalam bidang diplomasi.

Seterusnya, leksis periferal Arabo, Sino-tibetan dan Dravidian boleh dijadikan strategi komunikasi berkesan. Penguasaan yang baik oleh penutur-penutur asing mengenai leksis periferal ini dapat mengatasi masalah kesukaran dalam menerangkan sesuatu konsep atau istilah, menambah keberkesanan dalam komunikasi. Ia dapat dikaitkan dengan kajian Hazlina Abdul Halim (2015) yang menyatakan bahawa strategi komunikasi merupakan kunci kepada penutur untuk mengutarakan mahupun memecahkan kod dalam bahasa Melayu. Oleh itu, berdasarkan analisis leksis periferal, dapat dilihat bahawa penggunaan satu atau lebih leksis periferal dalam satu ayat membolehkan penutur asing khususnya penutur yang membahasaibundakan bahasa Arab, Cina dan Tamil menafsirkan maksud mesej yang disampaikan dalam bahasa Melayu.

Kesimpulan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat pelbagai leksis daripada rumpun bahasa Arabo (Arab), Sino-Tibetan (Cina) dan Dravidian (Tamil) yang diserap menjadi leksis dalam bahasa Melayu. Dari data yang ditemui, leksis-leksis yang diserap daripada bahasa Arab, Cina dan Tamil meliputi pelbagai ranah atau bidang termasuklah dalam aspek keagamaan, politik, sosial, ekonomi, ilmu dan lain-lain. Ini menunjukkan bahawa leksis-leksis asing khususnya bahasa Arab, Cina dan Tamil telah diadaptasi dalam pertuturan mahupun penulisan bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, terdapat juga leksis-leksis bahasa berkenaan yang tidak begitu aktif digunakan dalam pertuturan mahupun penulisan bahasa Melayu pada masa kini. Namun begitu, leksis-leksis demikian disenaraikan sebagai leksis serapan memandangkan ia terkandung dalam Kamus Dewan mahupun kamus-kamus bahasa yang lain sebagai bahasa pinjaman dalam bahasa Melayu.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kebanyakan leksis serapan daripada bahasa Arab, Cina dan Tamil mengalami perubahan apabila diserap menjadi leksis dalam bahasa Melayu. Tambahan pula, hampir separuh daripada setiap leksis pinjaman mengalami lebih daripada satu perubahan sehingga ada beberapa patah perkataan yang sukar dikenal pasti sebagai leksis pinjaman sama ada ia berasal daripada bahasa Arab, bahasa Cina mahupun bahasa Tamil kerana ia sudah sebatu dengan bahasa Melayu. Seperkara lagi, proses peminjaman leksis juga dilakukan sesuka hati oleh pihak tertentu menyebabkan timbulnya masalah ketidakkonsistenan dan ketidaksistematikan penyerapan leksis. Walaupun proses penyerapan ini tidak begitu konsisten, namun ada leksis-leksis yang mengalami proses peneutralan mengikut rumus bahasa yang meminjam, iaitu bahasa Melayu.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan bahawa leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian memiliki sifat-sifat keantarabangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa supranasional dan suprainternasional. Selain itu, leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian juga daya penarik kepada penutur asing khususnya yang menuturkan bahasa Arab, Cina dan Tamil untuk mengetahui bahasa Melayu dengan lebih mendalam. Signifikannya, bilangan penutur bahasa Melayu akan bertambah di dalam mahupun di luar Alam Malaynesia sekaligus menjadikan bahasa Melayu sebagai antara bahasa dominan di dunia. Kajian juga menunjukkan bahawa leksis periferal meningkatkan peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu, bahasa diplomasi dan bahasa perhubungan di peringkat global. Peranan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sangat penting dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu dan menjadi salah satu bahasa utama dunia. Leksis periferal memainkan peranan penting dalam menjadi perantara komunikasi yang memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di pusat-pusat pengajian seluruh dunia.

Akhir sekali, bahasa Melayu juga diantarabangsakan menerusi sumbangan Islam sebagai agama sejagat. Menurut Hendershot (1943), bahasa Arab merupakan penyumbang terbesar terhadap pengayaan kosa kata dalam bahasa Melayu. Ini kerana ideologi-ideologi keagamaan berkembang menerusi bahasa Arab (Mansor, 2017). Bahasa Melayu merupakan bahasa kedua terbesar selepas bahasa Arab dalam kalangan penganut agama Islam di seluruh dunia. Hal ini sekaligus mengangkat martabat bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. Di Alam Malaynesia sahaja sudah lebih daripada 300 juta penduduk yang beragama Islam dan dapat bertutur dalam bahasa Melayu. Dari segi bilangan ini sudah membuktikan bahawa bahasa Melayu layak menjadi antara bahasa utama di dunia kerana memiliki bilangan penutur yang ramai.

Oleh yang demikian, kajian ini amat penting sebagai suatu ilmu untuk mengetahui pengaruh leksis periferal Arabo, Sino-Tibetan dan Dravidian bukan sahaja dari segi pengayaan kosa kata bahasa Melayu malahan untuk memperlihatkan pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui penyerapan leksis-leksis asing. Perubahan elemen-elemen linguistik seperti struktur fonologi dan morfologi dapat menjelaskan proses asimilasi sesebuah leksis asing ke dalam sebutan Melayu Malaynesia. Hal ini sekaligus menunjukkan bahawa leksis periferal dapat membina keantarabangsaan dalam pengantarabangsaan bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini wajar diangkat sebagai satu bidang ilmu bukan sahaja bagi membuktikan kehebatan bahasa Melayu untuk berasimilasi dengan leksis asing malah dapat memperlihatkan bahawa bahasa Melayu wajar diangkat sebagai antara bahasa utama dunia.

Penghargaan

Ucapan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi atas dana yang diperuntukkan untuk projek penyelidikan ini di bawah kod geran penyelidikan FRGS 0498-2018 dan kod geran KPT iaitu FRGS/1/2018/SSI01/UMS/02/1.

Rujukan

- A. Aziz Deraman. 2010. Pengantarabangsaan Bahasa Melayu: Isu dan Masalah. *Majlis Ilmu 2010*, 49–68.
- Abdul Karim. 2014. Sejarah Perkembangan Ilmu Pengetahuan. *Fikrah*. 2(1). 273-289.
- Asmah Haji Omar. 1984. The development of the national language of Malaysia. *Philippine Journal of Linguistics*. 14(15). 7-23.
- Asmah Haji Omar. 2003a. Language And Language Situation In South East Asia: With a Focus On Malaysia. *Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya*.
- Awang Sariyan. 2019. Sekelumit Pengalaman Pengajaran Bahasa Melayu kepada Penutur Asing di Pihak Malaysia dalam Upaya Pengantarabangsaan Bahasa Melayu. *KIPBIPA XI: Pengembangan BIPA Pada Era Revolusi Industri 4.0*, 73–109.
- Awang Sariyan. 2020. P d d a s. *CERAMAH ARIF BUDIMAN KE-16, Masa Depan Bahasa Melayu Di Nusantara*, 124–161.
- Collins, James T. 2003. *Mukadimah Ilmu Etimologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005. *Kamus Dewan (Edisi keempat.)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa & Pustaka. 2007. *Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat. 4*, 2500.
- Dewi Pusposari. 2017. Kajian Linguistik Historis Komparatif dalam Sejarah Perkembangan Bahasa Indonesia. *Jurnal Inovasi Pendidikan*. 1(1). 75-85.
- Hashim Bin Hj. Musa. 2004. Pemerksaan Tamadun Melayu Malaysia: Menghadapi Globalisasi Barat. *Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya*.
- Hazlina Abdul Halim. 2015. *STRATEGI KOMUNIKASI*. 20–40.
- M.Nortaufiq et. al. 2019. Etimologi kata kerja Arab-Melayu: Satu pengenalan awal. *Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan*. 52-59.
- Mansor, I. 2017. The Systemic Rules of Malay Standard Borrowing from Arabic: Guidelines for Linguists and Translators. *Issues in Language Studies*. 6(2). 78–90. <https://doi.org/10.33736/ils.1624.2017>.
- Mohd Nor Azan Abdullah dan Musirin Mosin. 2018. Pengaruh Leksis Periferal Sanskrit dalam Bahasa Dusun The Influence of Periferal Sanskrit Lexis in Dusun Language. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaimah*. 5(2). 103–112.
- Mohd Nor Azan Abdullah, & Mohd Yusof Abdullah. 2018. Kosa Kata Indo-Eropah, Semitik, Sino-Tibet dan Dravidian dalam Internasionalisi bahasa Melayu sebagai bahasa Utama Dunia di Amal Malaynesia. *Jurnal Kesidang*. 3. 23–32. <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/308/264>
- Mohd Nor Azan Bin Abdullah dan Saini Bin Ag. Damit. 2018. Leksis Periferal Indo-Arabo-Euro dalam Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Alam Nusantara Indo-Arab-Euro Periferal Lexis In Internationalization of Malay Language In Nusantara. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaimah, Special Is* (2018). 274–286.
- Noraïen Mansor & Noor Rohana Mansor. 2013. *Dialog Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu Tinggi*. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Noriah Mohamed & Sealvarani A/P Subramaniam. 2015. *Kata Pinjaman Bahasa Tamil Dalam Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Russell Jones. 2008. *Loan-Words In Indonesian And Malay*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Russell Jones. 2009. *Chinese Loan-Words In Malay And Indonesian. A Background Study*. Kuala Lumpur: University Of Malaya Press.
- S.Nathesan. (2015). *Etimologi Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syamsul Hadi. 2015. *Kata-Kata Arab Dalam Bahasa Indonesia*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.

- Versteegh, K. 2001. Linguistic contacts between Arabic and other languages. *Arabica*. 48(4). 470-508.
- Zaharani Ahmad. 2004. Kata pinjaman bahasa Cina dalam bahasa Melayu: suatu huraian fonologi. *Jurnal Bahasa*. 4(4). 705–723.